

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat,
23 April 2021**



**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN,
FEBRUARI 2021**

**Indeks Pelopor memberi isyarat ekonomi yang semakin mengukuh
beberapa bulan akan datang**

PUTRAJAYA, 23 APRIL 2021— Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI FEBRUARI 2021**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata IP Malaysia terus mencatat pertumbuhan positif pada Februari 2021 dari tahun sebelumnya. Kenaikan 8.5 peratus kepada 111.2 mata pada bulan rujukan daripada 102.5 mata pada Februari 2020 didorong oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia, yang mencerminkan pertumbuhan Indeks Penjagaan Kesihatan, Indeks Pengangkutan & Logistik dan Indeks Utiliti. Perubahan bulanan IP menunjukkan trend yang sama dengan mencatatkan 1.1 peratus pada bulan tersebut, disumbangkan terutamanya oleh prestasi yang lebih baik dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.6%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (0.6%).

Tambahan pula, kadar pertumbuhan IP terlicin adalah konsisten di atas trend dan bergerak ke atas. Oleh itu, IP memberi isyarat bahawa Malaysia menuju ke arah

ekonomi yang semakin mengukuh beberapa bulan akan datang. Ini selaras dengan pelaksanaan inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), bersama dengan suntikan fiskal baharu untuk meringankan beban yang sedang ditanggung oleh rakyat, mengukuhkan semula pertumbuhan ekonomi dan merancakkan aktiviti perniagaan. Seterusnya, pelaksanaan program vaksinasi yang dipercepat sangat penting untuk meningkatkan sentimen optimis dan sekali gus memulihkan ekonomi.

Kandungan laporan tersebut juga menyatakan bahawa Indeks Serentak (IS) yang mencerminkan keadaan keseluruhan ekonomi semasa, meningkat 3.1 peratus bulan ke bulan berbanding negatif 0.4 peratus pada Januari 2021. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan ketara dalam Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (1.7%). Secara tahunan, pertumbuhan IS lebih baik kepada negatif 2.0 peratus daripada negatif 2.2 peratus pada bulan sebelumnya. Pada Februari 2021, kebanyakan perniagaan dibenarkan untuk meneruskan operasi di bawah pematuhan ketat dengan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara bersemuka dan dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
23 APRIL 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday,
23rd April 2021**



**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES,
FEBRUARY 2021**

Leading Index signals economic uptick in the forthcoming months

PUTRAJAYA, 23 APRIL 2021- Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR FEBRUARY 2021**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said that Malaysia's LI continued to record a positive growth in February 2021 from a year earlier. The increase of 8.5 per cent to 111.2 points in the reference month from 102.5 points in February 2020 was buoyed by Bursa Malaysia Industrial Index, reflecting a growth in Health Care Index, Transportation & Logistic Index and Utilities Index. The LI monthly change showed a similar trend by posting 1.1 per cent in the reference month, contributed mainly by a better performance in Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals (0.6%) and Number of New Companies Registered (0.6%).

In addition, the growth rate of smoothed LI is consistently above trend and moving upwards. Therefore, the LI signals Malaysia is heading towards economic uptick in the forthcoming months. This is in line with the implementation of the Strategic Programme to Empower the People and Economy (PEMERKASA), along with a new fiscal injection to alleviate the burden of the people, re-strengthen economic growth

and boost business activities. Furthermore, the accelerated roll out of vaccination programme is crucial to elevate optimistic sentiment and thus revive the economic growth.

The content of the report also stated that the Coincident Index (CI) which reflects the overall current economic condition, increased 3.1 per cent month-on-month as compared to negative 0.4 per cent in January 2021. The growth was driven by the significant increase in Volume Index of Retail Trade (1.7%). On yearly basis, the growth of CI improved to negative 2.0 per cent from negative 2.2 per cent in a month before. In February 2021, most of businesses were allowed to continue operating under strict compliance with existing standard operating procedures (SOP).

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
23 APRIL 2021**